



salam@uitm



ISO 9001:2000 No. Sijil KLR 0404089

Bil. 03 Julai - Sept 2017
<http://www.uitm.edu.my>

Buletin UiTM berwajah baharu !

UiTM *di hatiku*

**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



Penaung

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan Mohd

Editor
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Junaidy Talib

Wartawan
Hanisah Yacob
Firdaus Abd Hanan
Nor Azlina Nordin
Hazizi Jantan

Foto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin


Edaran
Asura Rahman

sidang redaksi....

BULETIN SALAM

Julai - Sept 2017

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang memberi kerjasama dalam menyalurkan sumber berita dan gambar yang telah dimuatkan dalam buletin ini.



berita

utama



12 Ogos 2017 – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V berkenan mencemar duli berangkat ke Istiadat Pentauliahahan DiRaja Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Awam Ke-36 bertempat di Padang Kawad Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam.

Pentauliahahan pada tahun ini melibatkan seramai 1,832 Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam (UA) yang terdiri daripada 757 Pegawai Kadet Lelaki serta 1,075 Pegawai Kadet Wanita daripada 18 UA seluruh negara. Seramai 33 orang kadet telah ditauliahkan sebagai Kadet Terbaik secara keseluruhan.

Istiadat Pentauliahahan DiRaja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Ke-36



Tahun ini merupakan kali kelima UiTM diberi penghormatan bagi menganjurkan Istiadat Diraja sejak penubuhan PALAPES pada tahun 1979 dan Komandan PALAPES UiTM yang keenam kini disandang oleh Naib Canselor UiTM, Kol (K) Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said.

Upacara tahunan berprestij ini dimulakan dengan Istiadat Perbarisan diikuti Istiadat Pengurniaan Watikah yang disempurnakan oleh KDYMM SPB YDP Agong Sultan Muhammad V di Dewan Agung Tuanku Canselor dan diakhiri dengan Santapan Tengah Hari di Intekma Resort. Turut mengiringi, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, YB Dato' Seri Idris Jusoh.

Majlis Perasmian Fakulti Perubatan Kampus Teluk Intan



18 Julai 2017 telah berlangsung Majlis Perasmian Fakulti Perubatan Kampus Teluk Intan Universiti Teknologi MARA. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzudin Shah telah berkenan mencemar duli berangkat untuk menyempurnakan perasmian tersebut. Turut berangkat pada majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar ibni Almarhum Raja Muda Musa dan Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan, Raja Iskandar Dzurkanain. Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abd. Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh, Pro-pro Canselor UiTM, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Pengurusan Tertinggi UiTM juga turut hadir menyaksikan majlis ini.

Fakulti Perubatan UiTM Kampus Teluk Intan mula dibina pada 21 Januari 2009 dan siap pada 31 Julai 2010. Ianya diserahkan kepada UiTM pada 1 November 2010. Kampus ini terletak dalam keluasan 10 ekar di Jalan Changkat Jong, bersebelahan dengan Hospital Teluk Intan. Kampus yang bercirikan futuristik ini mendapat perhatian daripada semua masyarakat dan memperoleh jolokan sebagai mercu tanda kedua di Teluk Intan selepas Menara Condong Teluk Intan. Kampus ini menempatkan sebuah blok akademik dan sebuah blok kediaman pelajar yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan pembelajaran.

Fakulti dan universiti berharap akan kewujudan Fakulti Perubatan Kampus Teluk Intan akan menjadi mercu utama dalam perkembangan kesihatan masyarakat di Teluk Intan khususnya dan bakal menjadi pusat kece merlangan yang boleh dibanggakan.



berita
PTJ

Fiesta **Raya** Canseleri



12 Julai 2017- Bertemakan 'Beraya di Kampung', Fiesta Raya Canseleri 2017, merupakan acara yang julung kali diadakan bagi warga Canseleri khususnya, untuk berhimpun meraikan bulan Syawal di samping mengeratkan lagi silaturrahim. Melalui majlis ini seramai 286 orang warga Canseleri dapat berkumpul dan beramah mesra bagi mengukuhkan lagi ukhuwah yang telah terjalin.

Bertempat di Dataran Tuanku Fauziah, warga Canseleri yang terdiri daripada Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat, Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Akademik, Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat Alumni dan keusahawanan serta Pejabat Penasihat Undang-undang telah memeriahkan majlis dengan membawa pelbagai menu yang menyelerakan. Turut menyumbangkan juadah ialah Hotel UiTM dan Intekma Resort . Setiap bahagian telah menghiaskan booth masing-masing mengikut tema dengan penuh kreatif dan indah sekali.

Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga dan kerjasama untuk menjayakan Fiesta Raya Canseleri 2017.

Seminar Eksekutif dan Mesyuarat Pendaftar Bersama Penolong Pendaftar Seluruh Sistem UiTM



24 Julai 2017 – Bertempat di Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam, Seminar Eksekutif dan Mesyuarat Pendaftar bersama Penolong Pendaftar seluruh sistem UiTM telah berlangsung dengan jayanya. Seramai 268 orang peserta yang terdiri daripada Skim Penolong Pendaftar grad N41 dan ke atas telah dijemput untuk menyertai program ini.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan melalui sesi perkongsian ilmu, menyelaraskan hal ehwal berkaitan pengurusan sumber manusia di seluruh sistem UiTM dan memberi ruang perbincangan dan perkongsian maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran universiti.

Program ini dimulakan dengan ucapan Naib Canselor, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said yang menekankan peranan pentadbir universiti sebagai tulang belakang yang menyokong visi dan misi universiti dan para pentadbir disarankan supaya lebih kreatif serta bersikap fleksibel dalam melaksanakan tugas. Beliau juga menasihatkan para pentadbir agar melengkapkan diri dengan *skills set* yang merangkumi tiga perkara utama iaitu *relevant, referred and respect* (3R) untuk menghadapi cabaran-cabaran mendatang.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini turut diisi dengan Mesyuarat Pendaftar bersama Penolong Pendaftar, Taklimat Perancangan Strategik Sumber Manusia UiTM 2016-2020, Taklimat Hala Tuju Dan Cabaran Pentadbir Di Masa Hadapan, Taklimat Integriti dan Taklimat Ancaman Keselamatan Negara.



Majlis Pelancaran Sambutan Bulan **Kemerdekaan** 2017

11 Ogos 2017- Buat pertama kalinya, Fakulti Sains Gunaan telah dipilih sebagai tuan rumah bagi Sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-60 peringkat universiti. Majlis pelancaran sambutan ini telah diadakan di Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam. Dengan tema "Negaraku Sehati Sejiwa", majlis telah dirasmikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor.

Pada majlis pelancaran, pelajar dari Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam, turut terlibat bagi memeriahkan acara dengan mendeklamasikan sajak kemerdekaan. Tidak ketinggalan, staf-staf sokongan dan akademik Fakulti Sains Gunaan berpadu suara untuk persembahan koir dengan mengalunkan lagu-lagu patriotik.

Objektif majlis ini adalah untuk menyemai semangat patriotisme dan nasionalisme di kalangan staf UiTM. Antara aktiviti yang akan dianjurkan oleh Fakulti Sains Gunaan sempena dengan bulan Kemerdekaan UiTM 2017 ini adalah pertandingan menghias fakulti dengan bertemakan patriotisme. Penyertaan pertandingan poster merdeka ini turut terbuka kepada pelajar UiTM.

Simposium Kecemerlangan Operasi



Pada 15 Ogos 2017, bertempat di Dewan Sri Bestari, INTEKMA Resort & Convention Centre, Shah Alam telah berlangsungnya Simposium Kecemerlangan Operasi anjuran Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA) dan telah dihadiri seramai 200 orang peserta dari pelbagai fakulti, kampus cawangan dan jabatan seluruh UiTM.

Bertemakan "*Operational Excellence Through Process Improvement*" simposium ini merupakan idea bernas Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM bagi memberi peluang kepada semua peserta yang terlibat dalam projek kecemerlangan operasi mempamer dan berkongsi usaha-usaha penambahbaikan proses yang dilaksanakan ke arah penjimatan kos dan peningkatan kepuasan hati pelanggan. Di samping itu, pihak penganjur turut menjemput Prof. Dr. Nigel Grigg, Professor of Quality Systems dari Massey University, New Zealand untuk berkongsi pengalaman mengenai pelaksanaan "*Operational Excellence in Tertiary Education*" kepada peserta semasa simposium berlangsung.

Menurut Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said dalam ucapan beliau, kecemerlangan operasi bukanlah satu perkara yang baharu terutamanya dalam industri pembuatan dan perkhidmatan; termasuklah pelaksanaannya di Institusi Pengajian Tinggi Swasta di dalam dan di luar negara. Namun kecemerlangan operasi masih belum dilaksanakan di peringkat universiti awam Malaysia termasuk UiTM. Justeru, bersesuaian dengan kedudukan UiTM sebagai universiti awam terbesar, inisiatif kecemerlangan operasi adalah wajar diterajui dari aspek operasi pengajian tinggi.



14 September 2017 - Seramai 10 orang Pegawai dari Pusat Komunikasi Korporat (PKK), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah mengadakan lawatan penanda aras ke Bahagian Canseleri & Komunikasi Korporat (BCKK), UiTM Shah Alam.

Delegasi UMT tersebut telah diketuai oleh En Wan Mohd Wazir Bin Wan Abdul Wahab, Timbalan Pengarah, PKK UMT dan sembilan pegawainya. Taklimat jabatan telah disampaikan oleh Puan Alfina Bakar, Ketua Timbalan Pendaftar BCKK.

Pembentangan yang disampaikan memfokus kepada pengurusan BCKK dalam urus tadbir jabatan, pengurusan acara, pengurusan multimedia, pengurusan media serta hal ehwal bagi menyelaraskan tadbir urus universiti dengan cepat, tepat dan berkesan di 13 buah kampus UiTM di seluruh Malaysia. Dalam program lawatan tersebut, delegasi UMT turut dibawa melawat ke Galeri Tun Abdul Razak dan Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah.

Lawatan Penanda Aras UMT



25 September 2017- bertempat di Dewan Seri Budiman telah berlangsung Seminar Pentadbir UiTM 2017 dan Pelancaran Anugerah Pentadbir UiTM. Seiring dengan penganjuran Hari Pentadbir di seluruh Universiti Awam, sambutanannya di peringkat UiTM dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar dan Ketua-Ketua Skim Perkhidmatan dengan kerjasama Persatuan Pentadbir UiTM.

Seminar Pentadbir UiTM Tahun 2017 ini diadakan untuk menyambut Hari Pentadbir di peringkat UiTM, melancarkan Anugerah Pentadbir UiTM dan seterusnya menganjurkan Bengkel Pentadbir Gred 48 dan ke atas merentasi skim perkhidmatan di UiTM. Lantaran itu, Seminar Pentadbir UiTM bersempena Hari Pentadbir UA 2017 telah memilih "Revolusi Industri 4.0 : Cabaran Pentadbir Universiti" sebagai tema untuk kali ini.

Majlis telah dirasmikan oleh Tan Sri Zarinah Anwar, Pro-Canselor UiTM diiringi oleh Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor. Tan Sri Zarinah turut membuat sesi perkongsian ilmu yang bertajuk 'Building Organisational Excellence'. Turut membuat pembentangan pada majlis tersebut ialah Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dari Kementerian Pendidikan Tinggi yang bertajuk 'Malaysia Higher Education 4.0'

Pada sebelah petang majlis diteruskan dengan Taklimat Industri 4.0: Skill Set Pentadbir UiTM yang telah disampaikan oleh Puan Azida Azmi, Pendaftar UiTM. Dengan adanya seminar ini para pentadbir dapat memahami Industri 4.0 dan kesannya kepada Pentadbir Universiti dan dapat mengenalpasti *critical skillset* bagi para pentadbir mengikut keperluan Industri 4.0.

Seminar Pentadbir UiTM 2017 dan Pelancaran Anugerah Pentadbir UiTM

berita
siswa



Amanat Naib Canselor & Majlis Perasmian Minggu Destini Siswa (MDS)

7 September 2017- Amanat Naib Canselor dan Majlis Perasmian Minggu Destini Siswa (MDS) telah berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC).

Majlis telah dirasmikan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor. Dalam ucapan perasmian beliau berpesan kepada para pelajar, supaya bersikap lebih intelektual dan matang. Biarlah nilai yang diberikan kepada mereka di luar sana sesuai dengan justifikasi sebagai seorang mahasiswa. Ikrar yang dilafazkan merupakan akuan dan janji para pelajar untuk tidak mensia-siakan peluang yang diberi serta beriltizam untuk belajar bersungguh-sungguh dan mengangkat nama baik keluarga, UiTM, agama serta bangsa ke tahap yang membanggakan.

Seramai 11,611 pelajar baharu telah mendaftar sebagai pelajar baharu UiTM di seluruh kampus UiTM dimana seramai 3,581 mahasiswa dan 8,030 mahasiswi. Seluruh warga UiTM mengalu-alukan kehadiran semua pelajar baharu ke UiTM.

UiTM MUNCUL JUARA di 2017 Hong Kong International Youth Marching Band Competition



14 Julai 2017– Pasukan Golden Hornbill Drumline (GHD) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak muncul juara di *2017 Hong Kong International Youth Marching Band Competition* yang diadakan di beberapa lokasi pertandingan sekitar Hong Kong pada 8 dan 9 Julai yang lalu.

Pertandingan yang dianjurkan oleh *All Hong Kong Marching Band Union and World Association of Marching Show Band* telah diadakan di *Culture Centre Tsim Sha Tsui, Victoria Harbour* bagi kategori *Drum Solo Battle* dan *Color Guard Solo Battle*. Kategori *Street Parade* pula telah berlangsung di *Taman Harcourt Road, Admiralty*, manakala kategori *Drumline Battle* telah diadakan di *Southern Stadium, Wan Chai*. Menurut jurulatih pasukan, Encik Kester Bakiaraj, kemenangan pasukan GHD yang terdiri daripada 18 orang pelajar dari pelbagai fakulti di UiTM Cawangan Sarawak, telah mengalahkan beberapa pasukan handal dari negara lain termasuklah pasukan dari Filipina yang memberi saingan sengit untuk setiap kategori yang dipertandingkan. Selain memenangi Johan Keseluruhan pertandingan tersebut, pasukan *Golden Hornbill Drumline* turut memenangi beberapa kategori yang lain iaitu:

- **Drum Solo Battle: Tempat kedua dan ketiga**
- **Color Guard Solo Battle: Johan**
- **Street Parade :Tempat kedua (International Category)**
- **Drumline Battle: Johan**

Ketua pasukan GHD, Christopher Matthias telah menyerahkan Piala Kemenangan kepada Prof. Dato Dr Jamil Haji Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak. Beliau berharap agar pasukan *Golden Hornbill Drumline* dapat mengekalkan semangat juang yang tinggi untuk pertandingan-pertandingan yang akan datang dan mengucapkan tahniah kepada mereka kerana mengharumkan nama UiTM di peringkat antarabangsa.

berita
MOU

MoU antara UiTM & UUM



MoU antara UiTM & PPUM



MoU antara UiTM & 2nd Tier Industrial Collaboration Programmes | ICP



MoU antara UiTM & MSC | SOFTWARE



MoU antara UiTM & Agensi Nuklear Malaysia



MoU antara UiTM & Universitas Bung Hatta



MoU antara UiTM & Technical University of Liberec, Czech Republic



MoU antara UiTM & CoETS



MoU antara UiTM & Biro Tatanegara



MoU antara UiTM & Doshin Rubber Engineering



berita
sukan



12th UiTM International Sports Fiesta 2017 (UISF)

25

3 Ogos 2017 - Kejohanan Sukan Tahunan Antarabangsa UiTM (**UISF**) 2017 telah berlangsung dari 2 hingga 6 Ogos 2017 bertempat di Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Sebanyak 30 buah universiti daripada 7 negara sudah mengesahkan penyertaan yang melibatkan kehadiran 750 orang atlet dan pegawai. Kejohanan "12th UiTM International Sports Fiesta" ini mendapat penyertaan dari 11 universiti dari Indonesia, 9 dari Sri Lanka, 4 dari Singapura, 3 dari Filipina, 2 dari Thailand dan 1 dari Brunei serta pasukan tuan rumah, UiTM. Sebanyak lapan acara sukan dipertandingkan iaitu futsal lelaki, futsal wanita, tenpin bowling, ragbi 7 sebelah, tenis, ping pong, badminton dan bola keranjang.

Berbanding pada tahun 2016, penyertaan pada edisi kali ini menyaksikan dua buah universiti baharu turut mengambil bahagian. Antaranya ialah Narotama University dari Indonesia dan Sabaragamuwa University dari Sri Lanka yang mengambil bahagian di dalam acara Futsal dan Tenis.

Majlis perasmian UISF 2017 telah disempurnakan oleh YB Dato' Razali Ibrahim Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri yang juga merupakan Timbalan Menteri Mentor UiTM di Dataran Parkir Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) UiTM Shah Alam.



Larian Obor Kuala Lumpur 2017 & Fit Malaysia Peringkat Selangor

5 Ogos 2017 – Universiti Teknologi MARA telah terpilih menjadi lokasi utama Larian Obor Kuala Lumpur 2017 dan Fit Malaysia Peringkat Selangor. Majlis ini telah menyasarkan seramai tujuh ribu peserta yang akan menyertai larian dan berbasikal. Peserta daripada pelbagai umur telah menyertai acara larian 5KM, 10KM dan berbasikal 30KM dan 10KM.

Kemuncak Larian Obor KL 2017 di negeri Selangor telah diadakan di Shah Alam iaitu bermula di Pintu Utama UiTM Shah Alam ke Pentas Utama FitMalaysia, yang melibatkan jarak 2.5 kilometer. Pada jarak 1 kilometer terakhir, larian obor disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al Haj, Raja Muda Selangor, Yang Amat Mulia Tengku Datin Paduka Setia Zatashah binti Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Dato' Setia Aubry Mennesson yang membawa obor di laluan obor Universiti Selangor (Unisel) ke UiTM Shah Alam.

Penyerahan obor telah dilakukan oleh DYTM Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor di Pentas Utama Fitmalaysia dan obor tersebut diserahkan kepada YB Brig Jen Khairy Jamaluddin Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Majlis diteruskan dengan pelepasan acara berbasikal dan larian oleh Raja Muda Selangor, Menteri Belia dan Sukan serta dif-dif kehormat yang lain.

Majlis Penyampaian Insentif **Atlet Sukan SEA 2017** dan Atlet Sukan Universiti Dunia



25 September 2017 - Bertempat di Intekma Resort and Convention Centre Shah Alam, satu majlis meraikan atlet-atlet UiTM yang telah berjaya memenangi pingat dalam Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Universiti Dunia 2017 telah diadakan.

Seramai 35 orang atlet UiTM telah terpilih mewakili negara di Sukan SEA baru-baru ini, menerusi 13 acara sukan. Antaranya bola sepak, perahu layar, ragbi, sepak takraw, chinlone, hoki, olahraga, petanque, boling padang, menembak, kriket, renang, gimnastik dan taekwondo.

Penglibatan para atlet ini amat membanggakan UiTM selaras dengan hasrat universiti untuk melahirkan lebih ramai *'the thinking athlete'* yang dapat mengangkat mutu sukan negara ke peringkat yang lebih tinggi.

Atlet UiTM telah berjaya menyumbang 9 emas, 7 perak dan 8 gangsa di Sukan SEA 2017. Pada kejohanan World Universiade yang telah berlangsung di Taiwan pula, UiTM turut berbangga apabila Saudara Nur Mohd Azriyn telah berjaya merangkul satu pingat perak dan satu pingat gangsa dalam sukan badminton.

Penyampaian insentif tersebut telah diserahkan kepada atlet-atlet UiTM oleh Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua atlet UiTM yang telah mengharumkan nama universiti dan negara.



Konsep, Rekabentuk & Terbitan
Bahagian Canseleri Dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor